

Kertas penyelidikan – Program Kehakiman

Tajuk: Perkahwinan Kanak-Kanak – Suatu Dilema

Nama pegawai: Fariza binti Hamzah, Nazuha binti Mohd Jai dan Nurhidayah binti Mohtar

Pengenalan

1. Kertas ini adalah kajian yang dibuat susulan kepada seminar bertajuk “Perkahwinan Kanak-Kanak – Mampukah Kita Menanganinya” yang telah diadakan di ILKAP pada 8 Julai 2019. Penyelidikan ini bertujuan menzahirkan situasi semasa mengenai amalan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang berlaku di negara ini dengan membandingkan amalan yang serupa di negara-negara Asia yang lain. Kertas ini juga membuat penelitian secara ringkas amalan ini dengan kedudukan undang-undang di negara ini, adat, agama dan hak kanak-kanak yang dinyatakan di bawah *Convention on the Rights of the Child* (CRC) yang diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995. Kertas ini turut mengambil kira analisis ke atas ‘secondary data’ yang terdiri daripada kertas kerja dan kajian ilmiah yang terdahulu, laporan akhbar dan artikel oleh pihak ketiga yang disiarkan di laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kertas ini.

Takrifan ‘kanak-kanak’

2. Malaysia mempunyai dua sistem perundangan keluarga yang berkuatkuasa selari iaitu di bawah perundangan sivil dan perundangan syariah. Undang-undang syariah ialah undang-undang diri (*personal law*) yang terpakai hanya

kepada orang Islam manakala undang-undang sivil hanya terpakai kepada orang-orang bukan Islam. Dengan itu, tafsiran kanak-kanak boleh berbeza di bawah undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Bagi maksud kertas kajian ini, rujukan kepada undang-undang syariah bermaksud rujukan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 sahaja, melainkan dinyatakan perbandingan dibuat dengan enakmen syariah negeri-negeri lain di Malaysia.

3. Di bawah undang-undang Islam, seksyen 2 Enakmen memperuntukkan perkataan ‘anak dara’ ditafsirkan sebagai perempuan yang belum pernah bersetubuh, samada sudah berkahwin ataupun belum dan perkataan ‘janda’ ditafsirkan sebagai perempuan yang telah bernikah dan diceraikan setelah bersetubuh. Bagi kedua-dua istilah ini tiada had umur dinyatakan. Amnya, di bawah hukum syarak, had umur dewasa tidak dinyatakan secara khusus seperti di bawah Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dan istilah yang biasa digunakan ialah ‘akil baligh’. Dari segi bahasa, perkataan ‘akil baligh’ ditafsirkan sebagai sudah berakal dan cukup umur (biasanya antara 12 sehingga 15 tahun bagi lelaki dan 9 sehingga 12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menunaikan perintah Allah.¹
4. Dari segi hukum syarak ulamak khilaf berhubung dengan had umur yang dimaksudkan. Bagi ulamak mazhab Syafi’e dan Hanafi, perkataan ‘akil baligh’ merupakan salah satu tanda telah sempurna akal dan ditafsirkan sebagai telah

¹ Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan 2016.

mencapai umur 15 tahun *qamariyyah* bagi anak lelaki dan perempuan. Ini berdasarkan suatu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar yang bermaksud—

“Aku menyerahkan diriku kepada Nabi SAW pada peperangan Uhud ketika aku berusia 14 tahun dan Nabi SAW tidak mengizinkanku kerana Baginda SAW tidak menganggapku telah baligh. Aku juga menyerahkan diriku kepada Nabi SAW pada peperangan Khandak ketika aku berusia 15 tahun dan Nabi SAW mengizinkanku kerana Baginda SAW menganggapku telah baligh.”²

5. Manakala ulamak mazhab Maliki dan Hanafi pula berpendapat bahawa umur akil baligh ialah 18 tahun bagi anak lelaki dan anak perempuan berdasarkan hadith riwayat Abu Daud yang bermaksud—

“Maksudnya: “Diangkat pena pada 3 perkara: Antaranya daripada budak sehingga dia bermimpi.”

Dan surah Al-Isra' ayat 34 yang bermaksud—

“Maksudnya: “Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri).”³

² Artikel bertajuk 'IRSYAD AL-FATWA SIRI KE- 230: UMUR BALIGH MENURUT 4 MAZHAB DAN HAD UMUR YATIM' disiarkan di laman sesawang rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertarikh 11 Jun 2018.

³ Ibid

6. Di bawah Enakmen, perkataan ‘baligh’ ditafsirkan sebagai umur baligh mengikut Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali. Tiada perkataan kanak-kanak ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Istilah yang digunakan ialah ‘orang belum dewasa’ dan ia ditafsirkan sebagai—

“seorang yang berumur di bawah umur 21 tahun dan yang bukan seorang balu atau duda”.

Bagi orang asli, tiada sebarang tafsiran diberikan. Dengan itu, peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dan Akta Umur Dewasa 1971 [Akta 21] adalah terpakai bagi menentukan had umur kanak-kanak dan dewasa bagi orang asli.

7. Merujuk kepada subseksyen 2(1) Akta 611, perkataan ‘kanak-kanak’ ditafsirkan—

*“(a) seorang yang di bawah umur 18 tahun; dan
(b) bagi maksud prosiding jenayah, ertiya seorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [Akta 574].”*

8. Seksyen 82 Kanun Keseksaan memperuntukkan—

“82. Nothing is an offence which is done by a child under ten years of age.”

Berdasarkan peruntukan ini, tiada tanggungjawab jenayah bagi kanak-kanak di bawah umur 10 tahun.

9. Selanjutnya, seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 [Akta 21] memperuntukkan—

“Tertakluk kepada seksyen 4, umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan ialah dan adalah terhad kepada lapan belas tahun dan tiap-tiap lelaki dan perempuan yang mencapai umur itu ialah berumur dewasa di Malaysia.”
10. Seksyen 4 Akta 21 pula memperuntukkan—

“Tiada apa-apa juga dalam Akta ini boleh menyentuh—

 - (a) *keupayaan mana-mana orang untuk bertindak dalam perkara yang berikut, iaitu, perkahwinan, perceraian, mas kahwin dan pengambilan anak angkat;*
 - (b) *agama dan upacara dan kelaziman agama bagi sesuatu golongan orang di dalam Malaysia;*
 - (c) *sesuatu peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan umur dewasa bagi maksud undang-undang bertulis itu.”*

11. Berdasarkan peruntukan kecualian di bawah seksyen 4 Akta 21 ini, pemakaian tafsiran kanak-kanak di bawah akta ini adalah tertakluk kepada peruntukan khusus di bawah mana-mana undang-undang diri kanak-kanak berhubung dengan perkara pada perenggan (a), (b) dan (c). Namun, secara amnya dapat disimpulkan kanak-kanak ialah seorang yang di bawah umur 18 tahun.

Had umur bagi perkahwinan kanak-kanak di Malaysia

12. Akta 164 hanya terpakai kepada orang bukan Islam yang berdomisil di Malaysia termasuk orang yang bermastautin di luar Malaysia. Ia tidak terpakai kepada peribumi Sabah, Sarawak dan orang asli di Semenanjung Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 3(4)—

“(4) Akta ini tidaklah terpakai bagi mana-mana anak negeri Sabah atau Sarawak atau seseorang orang asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraianya tertakluk kepada undang-undang adat anak negeri atau adat orang asli melainkan jika—

(a) dia memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini;

(b) dia membuat kontrak perkahwinannya di bawah Ordinan Perkahwinan Kristian [Sabah Bab 24]; atau

(c) dia membuat kontrak perkahwinannya di bawah Ordinan Perkahwinan Sivil dan di Gereja [Sarawak Bab 92].”

Dengan itu, peruntukan berkaitan dengan had umur minima dan peruntukan lain yang berkaitan dengannya di bawah Akta 164 ini tidak terpakai apabila seorang

kanak-kanak peribumi Sabah atau Sarawak atau orang asli memilih untuk tidak berkahwin di bawah Akta ini.

Di bawah Akta 164, had umur yang ditetapkan bagi perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak, ialah 18 tahun. Seksyen 10 memperuntukkan—

“10. Mana-mana perkahwinan yang berupa sebagai diupacarakan di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu daripada pihak-pihak berumur di bawah lapan belas tahun melainkan jika, bagi seseorang perempuan yang telah genap umur enam belas tahun, pengupacaraan perkahwinan itu telah dibenarkan oleh suatu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2).”

Oleh itu, mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun yang hendak berkahwin memerlukan suatu lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2) Akta164.

13. Seksyen 21 Akta memberikan kuasa kepada Ketua Menteri untuk mengeluarkan lesen dalam keadaan tertentu. Di bawah subseksyen 21(2)—

“(2) Ketua Menteri boleh, menurut budi bicaranya, memberikan suatu lesen di bawah seksyen ini membenarkan pengupacaraan sesuatu perkahwinan walaupun pihak perempuan kepada perkahwinan itu berumur di bawah lapan belas tahun, tetapi dalam apa-apa hal pun tidak

boleh memberikan lesen itu sebelum perempuan itu berumur genap enam belas tahun.”

Dengan itu, seorang kanak-kanak yang telah genap umur 16 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun dan ingin berkahwin boleh memohon lesen daripada Ketua Menteri untuk berbuat demikian.

14. Di bawah subseksyen 21(5), suatu lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 21(2) Akta hanya berkuat kuasa selama satu bulan daripada tarikh ia dikeluarkan dan mana-mana perkahwinan yang dilangsungkan setelah lesen itu luput, perkahwinan itu menjadi tidak sah dan batal.

Di bawah seksyen 12 pula, mana-mana orang yang belum mencapai usia genap 21 tahun tetapi telah mencapai umur 18 tahun, sekiranya hendak berkahwin hendaklah mendapatkan izin bertulis daripada bapanya. Sekiranya tiada bapa atau bapa telah meninggal, hendaklah mendapatkan izin bertulis ibunya. Seorang anak angkat pula perlu mendapatkan izin bertulis bapa angkatnya dan jika bapa angkat tiada, izin bertulis ibu angkat. Sekiranya tiada ibubapa kandung dan tiada ibubapa angkat, izin bertulis perlu diperoleh daripada mana-mana orang yang menjadi ganti kepada ibubapa kandung atau ibubapa angkat orang itu. Berdasarkan peruntukan yang dinyatakan di atas, boleh disimpulkan bahawa had umur minimum bagi kanak-kanak yang hendak berkahwin ialah 16 tahun.

15. Bagi orang Islam pula had umur yang ditetapkan di bawah Enakmen ialah 18 tahun bagi kedua-dua kanak-kanak lelaki dan perempuan. Enakmen yang

dipinda pada tahun 2018 telah memperuntukkan seksyen baru 8A yang memperuntukkan syarat bagi seorang yang berumur di bawah 18 tahun untuk berkahwin. Di antaranya—

- (i) Pemohon samada lelaki atau perempuan boleh memfailkan permohonan ke Mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi berkahwin di bawah umur 18 tahun.
- (ii) Permohonan oleh ibu atau bapa atau penjaga bakal pengantin yang disokong dengan affidavit ibu atau bapa atau penjaga dan juga affidavit daripada bakal isteri atau bakal suami.
- (iii) Perlu dinyatakan juga alasan untuk berkahwin, kemampuan bakal suami untuk memberi nafkah kepada bakal isteri, pernyataan berhubung tahap kesihatan dan samada bakal suami atau bakal isteri ada mempunyai rekod jenayah.
- (iv) Mahkamah hendaklah mengarahkan bakal suami dan bakal isteri untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana hospital Kerajaan, pusat kesihatan Kerajaan atau institusi kesihatan Kerajaan yang lain dan satu laporan perubatan dikeluarkan yang menyatakan tahap kesihatan bakal suami (mental, fizikal dan psikologi) dan bakal isteri (mental, fizikal, psikologi dan reproduktif).
- (v) Satu laporan sosial oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyatakan latar belakang sosio-ekonomi bakal suami atau bakal isteri yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu.

- (vi) Suatu laporan berkenaan dengan rekod jenayah bakal suami dan bakal isteri yang berumur kurang daripada lapan belas tahun, jika ada, daripada Polis DiRaja Malaysia.
- (vii) Mahkamah hendaklah menjalankan suatu siasatan setelah semua laporan yang perlu dikemukakan oleh semua pihak yang dinyatakan di atas, diterima. Siasatan bertujuan untuk menentukan samada bakal suami dan bakal isteri itu bersedia untuk berkahwin dan bersetuju untuk berkahwin dengan rela. Mahkamah juga berkuasa untuk memanggil mana-mana saksi bagi tujuan siasatan ini.
16. Sekiranya Mahkamah berpuas hati, kebenaran boleh diberikan kepada bakal suami atau bakal isteri yang berusia di bawah 18 tahun itu untuk berkahwin dengan mengarahkan agar bakal suami dan bakal isteri menjalani sesi runding cara kekeluargaan. Selanjutnya, mahkamah juga boleh membuat perintah berhubung dengan nafkah bagi bakal isteri yang berusia di bawah 18 tahun dan apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar bagi menjaga kebajikan bakal suami atau bakal isteri yang berusia di bawah 18 tahun itu.
17. Bagi orang asli pula, tiada had umur yang tertentu yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Kebanyakannya berkahwin mengikut adat tanpa mendaftarkan perkahwinan mereka. Menurut pernyataan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Datuk Mohammad Razin Abdullah pada 2018, “*Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima sebanyak 1,824 permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan orang asli yang tidak beragama. Manakala setakat bulan Januari 2019 sahaja, sebanyak 249 permohonan telah diterima*

oleh Jabatan.⁴ Menurut beliau, ini berikut kesedaran di kalangan orang asli bahawa untuk mendapatkan bantuan kerajaan, mereka memerlukan dokumen pengenalan diri dan dokumen pendaftaran perkahwinan yang sah. Jabatan sendiri berusaha untuk mendekati orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)".

18. Namun angka yang dinyatakan ini tidak terhad kepada perkahwinan kanak-kanak sahaja bahkan meliputi semua permohonan pendaftaran perkahwinan oleh orang asli yang tidak beragama. Manakala bagi orang asli yang beragama Islam, permohonan untuk berkahwin di bawah umur, sekiranya ada dibuat, adalah tertakluk kepada undang-undang syariah negeri yang berkenaan.
19. Bagi masyarakat peribumi Sarawak pula, tiada had umur minimum ditetapkan bagi suatu perkahwinan mengikut adat. Pasangan yang ingin berkahwin boleh memohon Sijil Kahwin daripada penghulu. Sekiranya ada pasangan bawah umur yang bersekedudukan sebelum berkahwin, pasangan itu boleh dikenakan tindakan mengikut adat. Manakala ibubapa pasangan yang terlibat hendaklah membuat pengakuan secara bertulis bahawa mereka tiada bantahan terhadap perkahwinan tersebut untuk mengelakkan sebarang tohmahan jenayah (rogol) terhadap pasangan tersebut.⁵
20. Namun, di bawah Native Customary Marriages (Maintenance) Ordinance 2003 (Sarawak) Cap. 55, tafsiran perkataan '*minor*' diberikan di bawah seksyen 2—

⁴ Laman sesawang Utusan Online bertarikh 1 Mac 2019. Kenyataan ini diberikan oleh Ketua Pengarah JPN pada majlis penyerahan MyKad dan Sijil Perkahwinan Orang Asli yang dikeluarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952.

⁵ Laman sesawang Majlis Adat Isitiadat Sarawak - FAQ

“ “minor” means a person who is under the age of twenty-one”.

Dengan itu di bawah *Native Customary Marriages (Maintenance) Ordinance 2003 (Sarawak) Cap. 55*, sekalipun tiada had umur minimum bagi seseorang berkahwin mengikut adat, namun bagi maksud pemberian nafkah anak, had umur minima anak ialah dua puluh satu tahun.

21. Selanjutnya di Sabah, mengikut undang-undang adat suku kaum anak negeri Sabah tidak ada had umur minimum bagi lelaki atau perempuan untuk berkahwin, namun sewajarnya kelayakan berkahwin diberikan kepada mereka yang sudah cukup umur.⁶
22. Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995 mempunyai beberapa peruntukan yang berhubung dengan perkahwinan mengikut adat dan setiap suku kaum pula mempunyai adat perkahwinan masing-masing. Mahkamah Anak Negeri mempunyai bidangkuasa untuk memberi kesan kepada adat perkahwinan yang bertentangan dengan Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995.⁷
23. Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995 (Sabah) mengadakan peruntukan berhubung dengan perbuatan yang bertentangan dengan adat dan

⁶ Dialog Undang-Undang Bersama Yang Berhormat Ahli Parlimen Malaysia dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah, ceramah oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Datuk Martin Idang – laman sesawang Sabah News Today 16/11/2018

⁷ Ibid.

menjadi suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mengikut adat. Contohnya, di bawah Aturan 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995 memperuntukkan perbuatan ‘*sumbang kadim*’ ataupun sumbang mahram adalah suatu kesalahan, walaupun dilakukan dengan izin atau kerelaan wanita yang berkenaan dan Kaedah 8(2) memperuntukkan had umur tanggungan jenayah bagi seorang perempuan yang melakukan ‘*sumbang kadim*’ ialah 16 tahun atau lebih.⁸ Manakala bagi pesalah lelaki tiada had umur minimum yang ditetapkan.

24. Aturan 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995 pula memperuntukkan bahawa persetubuhan haram yang dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin (bukan suami dan bukan isteri) dinamakan ‘*mianu-anu*’ juga merupakan suatu kesalahan. Aturan 15 pula memperuntukkan mana-mana orang yang telah bertunang dan melakukan hubungan seks dengan orang yang bukan tunangannya juga merupakan suatu kesalahan. Namun, tiada had umur dinyatakan bagi semua kesalahan ini kecuali bagi kesalahan di bawah Aturan 8.

25. Kesimpulannya, di Sabah dan Sarawak, undang-undang adat mentadbir kehidupan masyarakat anak negeri termasuk perkahwinan dan tiada had umur minimum yang ditetapkan untuk berkahwin. Semua perkahwinan yang dilaksanakan mengikut adat, boleh didaftarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952, jika dipohon sedemikian.⁹

⁸ Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995, Aturan 8.

⁹ Laman sesawang Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

26. Bagi tujuan Kertas Penyelidikan ini, berdasarkan kepada perundangan yang dirujuk di atas, boleh dibuat kesimpulan bahawa umur minima yang diterima secara am bagi seorang kanak-kanak untuk berkahwin ialah 18 tahun.

Senario perkahwinan kanak-kanak di peringkat antarabangsa.

27. Perkahwinan kanak-kanak ertinya suatu perkahwinan yang sah di sisi undang-undang atau penyatuan dua individu yang salah seorang daripada pasangan itu atau kedua-duanya berusia di bawah 18 tahun.
28. Perkahwinan bawah umur ini merupakan suatu masalah yang kompleks dan berlaku di seluruh dunia. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh UNICEF, negara yang mempunyai peratus tertinggi kelaziman berlakunya perkahwinan kanak-kanak ialah Niger (79%) dan yang paling rendah merupakan Mauritania (37%).¹⁰
29. Manakala negara yang mempunyai bilangan perkahwinan kanak-kanak perempuan yang tertinggi (*absolute number*) ialah India dengan jumlah 15,509,000 dan Kenya sebanyak 527,000 pada tangga kedua puluh, Indonesia pada tangga kelapan dengan jumlah 1,459,000 dan Thailand pada tangga kesembilan belas dengan jumlah sebanyak 543,000.¹¹

¹⁰ UNICEF global databases 2018, based on Multiple Indicator Cluster Surveys (MICS), Demographic and Health Surveys (DHS), and other national surveys.

¹¹ Ibid.

30. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh UNICEF, perkahwinan kanak-kanak berlaku bukan hanya di kalangan kanak-kanak perempuan, malah kanak-kanak lelaki juga.¹² Amalan ini paling banyak berlaku di negara sub-Sahara, Amerika Latin, Caribbean, Asia Selatan, Asia Timur dan Pasifik. Berdasarkan data UNICEF, negara yang mempunyai kadar perkahwinan kanak-kanak lelaki tertinggi ialah Republik Afrika Tengah (28%), Nicaragua (19%) dan Madagascar (13%).
31. Terdapat banyak faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan pasangan bawah umur ini. Di antaranya—

- (i) Ketidaksamarataan gender:
- (a) kesamarataan gender (*gender equality*) ialah memberikan akses dan kemudahan untuk mendapatkan sumber dan peluang tanpa mengira jantina. Peluang termasuklah penyertaan di dalam bidang ekonomi dan membuat keputusan. Manakala ekuiti gender (*gender equity*) pula ialah usaha untuk memahami dan memberikan kepada seorang perkara yang diperlukan untuk membolehkannya menikmati hidup yang sihat dan sempurna. Kesamarataan gender merujuk kepada pembahagian sumber yang adil dan saksama kepada semua individu secara adil dan saksama;¹³

¹² Kenyataan akhbar UNICEF bertarikh 6 Jun 2019 – Laman sesawang UNICEF For Every Child

¹³ Ceramah pada Seminar Perkahwinan Kanak-Kanak – Mampukah Kita Menanganinya di ILKAP pada 8 July 2018 yang disampaikan oleh SUB Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KPWKM, Tuan Chua Choon Hwa.

(b) ketidaksamarataan gender menyebabkan kanak-kanak perempuan tidak diberikan peluang yang sambangan dengan kanak-kanak lelaki;

(ii) tradisi dan norma sosial:

(a) sikap stereotaip masyarakat yang memberikan peranan khusus kepada seorang lelaki dan perempuan dan amalan ini bermula dari dalam keluarga itu sendiri. Contohnya, pembahagian kerja rumah di antara anak lelaki dan perempuan dibuat berdasarkan jantina;

(b) amalan ini menyebabkan kanak-kanak membesar dalam fahaman bahawa layanan harus berbeza berdasarkan jantina dan apabila mereka sendiri berkeluarga, mereka sendiri memberikan layanan ini kepada anak-anak mereka pula. Akibatnya, dunia kanak-kanak lelaki terus berkembang selari dengan peranannya sebagai pencari nafkah (*provider*) dan dunia kanak-kanak perempuan menguncup selari dengan peranannya sebagai ibu (*nurturer*);¹⁴

(iii) kemiskinan:

(a) kemiskinan mendorong ibubapa untuk mengahwinkan anak-anak perempuan di bawah umur bagi mengurangkan beban ekonomi keluarga;

(b) di dalam keadaan tertentu, suami itu membantu menyara keluarga kanak-kanak tersebut dan secara tidak langsung mendorong amalan

¹⁴ Laman sesawang UNICEF- Gender Equality.

ini berterusan. Di Senegal, amalan oleh masyarakat ‘*Fullah*’ dan ‘*Dhiakankhes*’, pengantin lelaki bukan sahaja memberikan lembu betina kepada isterinya, ibu pengantin perempuan juga diberikan hadiah sebagai balasan kehilangan anak perempuannya;¹⁵

- (c) di kalangan masyarakat ‘*Baloundougou*’ pula, perkahwinan kanak-kanak menjanjikan kesenangan seumur hidup kepada keluarga perempuan itu. Sekiranya anak perempuan itu dikahwinkan dengan orang kaya, pasangan pengantin menyumbang dengan membina rumah untuk keluarga pengantin perempuan, memberikan wang tunai dan bijian;¹⁶
 - (d) di Mali pula, keluarga pengantin lelaki memberikan mahar bukan sahaja dalam bentuk wang tunai, bahkan binatang ternakan, barang isi rumah, barang dapur dan pakaian pengantin perempuan itu sendiri;¹⁷
 - (e) ada kalangan ibu bapa yang berpendapat bahawa dengan mengahwinkan anak perempuan, perbelanjaan yang dijimatkan itu dapat diumpukan kepada pendidikan anak lelaki;¹⁸
- (iv) perkahwinan sebagai perlindungan dan keselamatan:

¹⁵ ‘Family Honour and Shattered Dreams – Girl Brides in Mali, Niger and Senegal’, artikel oleh Plan International in West Africa & Central Africa (PLAN WARO) diterbitkan pada laman sesawang plan-international.org/publications.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Laman sesawang Girls Not Brides.

- (a) ada kalangan ibu bapa yang berpendapat bahawa perkahwinan itu dapat memberikan perlindungan kepada seorang anak perempuan dan ibu bapa berharap agar anak perempuan mereka dapat dilindungi daripada gangguan seksual dan juga jenayah rogol;
 - (b) di Senegal, apabila pengantin lelaki kurang berkemampuan untuk membayar mahar kepada pengantin perempuan dan keluarganya, suatu persetujuan dibuat di antara kedua-dua keluarga untuk meminjamkan anak perempuan itu kepada pengantin lelaki. Mereka hidup bersama sebagai suami isteri dan perkahwinan mereka diraikan secara rasmi apabila pengantin lelaki telah membayar sepenuhnya mahar kepada keluarga pengantin perempuan.¹⁹ Secara tidak langsung, keselamatan anak perempuan itu berada pada tangan suami dan keluarganya dalam tempoh pinjaman tersebut;
- (v) maruah:
- (a) kebanyakannya yang menyebabkan kanak-kanak perempuan dikahwinkan ialah untuk menyelamatkan maruah keluarga dan maruah kanak-kanak itu sendiri;
 - (b) di Mali misalnya, perkahwinan menyebabkan seorang perempuan dihormati oleh masyarakatnya, anak yang dilahirkan adalah daripada ikatan perkahwinan yang sah di sisi undang-undang dan diterima oleh

¹⁹ ‘Family Honour and Shattered Dreams – Girl Brides in Mali, Niger and Senegal’, artikel oleh Plan International in West Africa & Central Africa (PLAN WARO) diterbitkan pada laman sesawang plan-international.org/publications.

masyarakat. Perempuan itu terselamat daripada gangguan seksual daripada kanak-kanak lelaki yang lain dan juga orang lelaki dewasa;²⁰

- (c) di Niger, anak-anak perempuan dibesarkan dengan fahaman bahawa maruah keluarga mereka bergantung kepada maruah mereka. Dengan itu, anak-anak perempuan berusaha untuk menjaga diri agar tidak terjebak melakukan hubungan seks di luar nikah;²¹
 - (d) anak lelaki yang berkahwin pula diterima sebagai seorang lelaki dewasa yang bertanggungjawab dan boleh melaksanakan beberapa tanggungjawab kepada masyarakat seperti mengetuai upacara agama, mewakili keluarga pada majlis sosial ataupun berunding bagi pihak keluarganya; ²²
- (vi) adat:
- (a) di kalangan masyarakat di ‘Barouéli’, Mali, mana-mana anak-anak perempuan yang lewat berkahwin atau tidak berkahwin tidak dihormati dan menjadi bahan kritikan oleh orang-orang tua (*village elderly*). Bahkan mereka didakwa sebagai pembawa kepada pergaulan bebas dan tidak menghormati adat dan tradisi;²³

²⁰ Ibid.

²¹ Ibid.

²² ‘Family Honour and Shattered Dreams – Girl Brides in Mali, Niger and Senegal’, artikel oleh Plan International in West Africa & Central Africa (PLAN WARO) diterbitkan pada laman sesawang plan-international.org/publications.

²³ Ibid.

- (b) anak perempuan yang dapat menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dengan sempurna menyebabkan ibunya dipandang tinggi oleh masyarakat kerana ibunya telah berjaya mendidik seorang anak perempuan yang baik;²⁴
- (c) di Senegal, masyarakat ‘*Fullah*’, ‘*Diakhankes*’ dan ‘*Wolofs*’, sangat mementingkan dara pengantin perempuan. Waris wanita di sebelah keluarga pengantin lelaki memeriksa kamar pengantin dan mengesahkan kepada kaum keluarga yang berkumpul bahawa kanak-kanak itu masih dara pada malam perkahwinannya. Pakaian kanak-kanak yang mempunyai kesan darah dipamerkan kepada kaum keluarga dan ini diraikan dengan paluan gendang dan pujian diberikan kepada kanak-kanak itu kerana telah menjaga maruah diri dan keluarganya;²⁵
- (d) di Mali, ibu bapa dihina dan diperendahkan kerana enggan mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia yang muda dan anak-anak ini dianggap sebagai perempuan jahat dan dituduh terlibat dalam kegiatan pelacuran di sekolah;²⁶
- (e) di kawasan pedalaman di Senegal, wanita yang tidak berkahwin dihina dan disamakan dengan barang yang tidak laku yang tiada

²⁴ Ibid.

²⁵ ‘Family Honour and Shattered Dreams – Girl Brides in Mali, Niger and Senegal’, artikel oleh Plan International in West Africa & Central Africa (PLAN WARO) diterbitkan pada laman sesawang plan-international.org/publications.

²⁶ Ibid.

sesiapa yang ingin membelinya. Bahkan, anak-anak perempuan yang tidak berkahwin ini dianggap sebagai suatu sumpahan;²⁷

(f) adat dan kepercayaan seumpama inilah yang membelenggu masyarakat dan menyebabkan kanak-kanak perempuan dikahwinkan pada usia yang muda;

(vii) agama:

kajian yang dijalankan oleh PLAN WARO mendapati bahawa agama tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi amalan perkahwinan kanak-kanak. Sebaliknya, adat merupakan sebab utama perkahwinan kanak-kanak.

32. Di India, *The Prohibition of Child Marriage Act of 2006* telah digubal dan mula berkuat kuasa pada 1 November 2017. Antara lain, peruntukan akta ini mentafsirkan kanak-kanak sebagai di bawah umur 21 tahun bagi lelaki dan 18 tahun bagi perempuan. Di bawah akta ini, kerajaan berkuasa melantik ‘*Child Marriage Prohibition Officer*’ dan pegawai ini mempunyai kuasa di bawah seksyen 13 untuk memohon perintah injunksi dari mahkamah bagi menghalang sesuatu perkahwinan kanak-kanak daripada berlaku.
33. Pada 11 Oktober 2017, Mahkamah Agong India telah memutuskan bahawa tiada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun berkemampuan memberikan izin samada secara langsung atau tersirat, untuk melakukan hubungan seks. Dengan

²⁷ Ibid.

keputusan ini, seorang suami dianggap melakukan rogol terhadap isterinya sekiranya isterinya itu berusia di bawah 18 tahun. Mahkamah juga telah menolak hujah bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah suatu amalan tradisi dan menjadikannya sebagai suatu kesalahan jenayah boleh merosakkan institusi keluarga.²⁸

34. Di Pakistan pula perkahwinan kanak-kanak merupakan amalan yang berakar umbi dan diamalkan secara meluas oleh masyarakat yang mengamalkan cara hidup suku (*tribe*) di kawasan pedalaman. Suatu amalan kuno yang dikenali sebagai ‘*vani*’ atau ‘*swara*’ bermaksud darah, diamalkan sejak 400 tahun dahulu bagi menyelesaikan pertikaian antara puak bagi pelbagai jenis kesalahan termasuklah bunuh, zina, menyelesaikan hutang dan menculik. Kebiasaannya, apabila berlaku pertikaian di antara puak, suatu rundingan diadakan melalui Jirga (*council*). Salah satu bentuk gantiruginya ialah menyerahkan anak perempuan kepada puak musuh untuk dikahwinkan.²⁹
35. Di Pakistan terdapat *Child Marriage Restraint Act 1929* yang mula berkuat kuasa pada 1 April 1939. Akta ini melarang perkahwinan kanak-kanak. Di bawah seksyen 2 akta ini, had umur minimum untuk berkahwin bagi seorang kanak-kanak ialah 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan. Sekiranya berlaku perlanggaran, ibu bapa dan orang yang mengahwinkan kanak-kanak tersebut adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda 1000 rupee dan penjara satu bulan atau kedua-duanya. Di bawah seksyen 12

²⁸ Laman sesawang Oxford Human Rights Hub, laporan bertarikh 16 November 2017 oleh Disha Chaudry.

²⁹ Artikel bertajuk “The Heinous Practice of Vani or Swara in Pakistan” terbitan Eqbal Ahmad Center for Public Education dan disiarkan di laman sesawang Eqbal Ahmad Center for Public Education, bertarikh 3 Ogos 2018.

akta ini, Mahkamah berkuasa untuk mengeluarkan perintah injunksi bagi menghalang suatu perkahwinan kanak-kanak daripada dilaksanakan.

36. Pada 29 April 2019 yang lalu badan Senat Pakistan telah meluluskan suatu rang undang-undang pindaan kepada akta ini untuk menaikkan had umur minima berkahwin kepada 18 tahun bagi kedua-dua kanak-kanak lelaki dan perempuan walaupun mendapat tentangan yang keras daripada badan-badan agama atas alasan ia bertentangan dengan syariat Islam.³⁰
37. Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini telah dibantah oleh Perhimpunan Kebangsaan (*Lower House of Parliament*) dan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Tetap Undang-Undang yang akan mendapatkan pula pandangan daripada Majlis Ideologi Islam.³¹ Setelah diluluskan oleh Perhimpunan Kebangsaan barulah rang undang-undang itu dibawa pula ke peringkat wilayah untuk diluluskan.
38. Terkini, Jordan menjadi tempat tinggal lebih 650,000 pelarian Syria dan menurut UNICEF, perkahwinan kanak-kanak dalam kalangan pelarian terbabit bagaikan wabak. Menurut laporan Al Jazeera, sejak perang Syria bermula pada 2011, jumlah perkahwinan kanak-kanak pelarian Syria di Jordan, melonjak daripada 15 ke 36 peratus.

³⁰ Laman sesawang penerbitan The National bertarikh 30 April 2019.

³¹ Laman sesawang Gulf News Asia bertarikh 1 Mei 2019.

39. Negara Eropah lain termasuk Sweden dan Jerman yang menerima ramai pelarian Syria menghadapi dilema dengan masalah itu, samada membenarkan perkahwinan kanak-kanak atau memisahkan keluarga. Menurut International Center for Research on Women (ICRW), pengantin muda biasanya menjadi mangsa keganasan rumah tangga, pergerakan terhad dan tiada hak membuat keputusan.³²
40. Manakala di Indonesia, undang-undang menetapkan had minimum umur untuk berkahwin bagi kanak-kanak perempuan pada 16 tahun dan 19 tahun bagi lelaki. Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia sebulat suara bersetuju agar had umur minima bagi kanak-kanak perempuan disemak berikutan cadangan untuk meminda undang-undang sedia untuk menaikkan had umur minimum kepada 19 tahun bagi kanak-kanak perempuan.³³

CRC dan CEDAW

41. Komitmen Malaysia yang diberikan di antaranya ialah Malaysia telah memberikan komitmen untuk menghapuskan perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan awal dan perkahwinan paksa pada tahun 2030 selaras dengan sasaran 5.3 di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG). Namun tiada data terkini yang diperolehi berhubung dengan takat pencapaiannya.³⁴ Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Tuan Chua Choon Hwa, memberitahu

³² Laman sesawang Harian Metro Online bertarikh 30 Januari 2019

³³ Artikel bertajuk ‘Indonesia naikkan had usia perkahwinan bagi bening nikah bawah umur’ yang disiarkan dalam laman sesawang Astro Awani pada 18 September 2019.

³⁴ Laman sesawang ‘Girls not Brides’.

bahawa sehingga kini data yang dikumpul oleh pihak kementerian adalah bersifat ‘*second hand user*’, iaitu bergantung kepada data yang dikumpul dan diberikan oleh agensi/jabatan kerajaan yang lain.³⁵

42. Malaysia telah menandatangani Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak (CRC) pada tahun 1995 yang menetapkan had umur minima bagi perkahwinan pada 18 tahun. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah telah diambil bagi memenuhi keperluan ini termasuk meminda peruntukan undang-undang yang berkaitan. Sehingga kini, Negeri Selangor telah meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 bagi menaikkan had umur perkahwinan bagi wanita kepada 18 tahun.³⁶
43. Malaysia juga telah menandatangani *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Woman* (CEDAW) pada tahun 1995 yang mewujudkan obligasi ke atas Malaysia bagi memastikan adanya *free and full consent* dalam setiap perkahwinan. Pada tahun 2018, jawatankuasa CEDAW telah memberikan syor kepada Malaysia agar menaikkan had umur minima untuk berkahwin kepada 18 tahun dan had umur ini terpakai kepada kedua-dua jantina lelaki dan wanita.³⁷
44. Pada peringkat Asean, Malaysia turut memberikan komitmen kepada *ASEAN Declaration on the Elimination of Violence against Women and Violence against*

³⁵ Sesi ceramah bertajuk ‘Senario Perkahwinan Kanak-kanak di Malaysia’ pada Seminar Perkahwinan Kanak-kanak – Mampukah kita menanganinya’ yang berlangsung di ILKAP pada 8 Julai 2019.

³⁶ Sesi Forum bertajuk ‘Pengantin Kanak-Kanak – Mudarat atau Pengorbanan’ pada Seminar Perkahwinan Kanak-Kanak – Mampukah kita Menanganinya’ yang berlangsung di ILKAP pada 8 Julai 2019.

³⁷ Laman sesawang UNICEF Malaysia

Children pada tahun 2013, dengan mengakui kepentingan bagi mengukuhkan hubungan dan usaha negara-negara ASEAN bagi memberikan perlindungan kepada kanak-kanak daripada semua jenis keganasan, termasuklah perkahwinan pada usia muda. Pada dasarnya Malaysia bersedia untuk mengkaji syor yang diberikan oleh CEDAW dan CRC tetapi ia masih dalam peringkat pelaksanaan.

45. ‘*Sustainable Development Goals*³⁸(SDG)’ adalah suatu blue print atau plan perancangan yang dibuat bagi mencapai pembangunan mampan yang lebih baik untuk masa depan semua dengan menyentuh semua cabaran global yang dihadapi termasuk kemiskinan, ketidaksamaan, cuaca, pencemaran alam sekitar, kemakmuran, keamanan dan keadilan. SDG bermatlamat untuk memberikan kesaksamaan jantina, antaranya dengan memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan diberikan akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan yang baik dan perwakilan di dalam proses membuat keputusan dalam bidang politik dan ekonomi, sebagaimana lelaki. Diharapkan dengan adanya peluang yang sama rata ini, ekonomi yang mampan dapat dijana dan memberikan faedah kepada masyarakat keseluruhannya.³⁹ Komitmen yang diberikan ini memerlukan penglibatan semua pihak khususnya ‘*political will*’ bagi memastikan kejayaannya.

Sebab berlaku perkahwinan kanak-kanak di Malaysia

³⁸ Laman sesawang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

³⁹ Laman sesawang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu – Sustainable Development Goals

46. Malaysia ialah sebuah negara bermasyarakat majmuk, penduduknya mengamalkan pelbagai adat yang berbeza dan menganuti agama dan kepercayaan yang berlainan. Oleh itu, perkahwinan kanak-kanak di Malaysia adalah suatu isu yang sensitif, menyentuh agama dan adat, kuasa, bidangkuasa dan undang-undang.
47. Pada tahun 2015, suatu pertubuhan bukan kerajaan iaitu '*Joint Action Group for Gender Equality (JAG)*' menganggarkan seramai 16,000 orang kanak-kanak perempuan berkahwin sebelum mencapai umur 15 tahun.⁴⁰ Pada tahun 2016, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mendedahkan bahawa sebanyak 10,240 permohonan kebenaran bagi kanak-kanak berkahwin dibuat di antara tahun 2005-2015 di Mahkamah Syariah seluruh negara dan salah satu sebab yang mendorong ialah untuk menutup aib keluarga akibat anak telah terlanjur, mengandung atau dirogol.⁴¹
48. Namun jumlah ini tidak muktamad berikutan amalan ini juga berlaku di kalangan kanak-kanak bukan Islam, kanak-kanak orang asli di Semenanjung dan peribumi Sabah dan Sarawak dengan tidak mengikut saluran undang-undang yang sah. Menurut mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, setakat bulan April 2016, *Sarawak Native*

⁴⁰ Laman sesawang Malay Mail Online, artikel bertajuk "Malaysia still long way to go in overcoming child marriage – Joint Action Group for Gender Equality", bertarikh 18 Apr 2016.

⁴¹ Kertas kerja bertajuk 'Child Marriage in Malaysia' oleh Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal dan Mohd Al Adib Samuri untuk UNICEF.

Customs Council telah melaporkan sebanyak 294 perkahwinan bawah umur telah direkodkan di Sarawak.⁴²

49. Satu kajian yang dijalankan oleh pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal dan Mohd Al Adib Samuri dengan kerjasama UNICEF, telah membuat penemuan, di antaranya—
- (i) perkahwinan kanak-kanak melibatkan semua golongan masyarakat, Islam, bukan Islam, orang asli dan orang asal Sabah dan Sarawak, termasuk warga pelarian yang berlindung di Malaysia;⁴³
 - (ii) tiada data yang khusus, terkini, tepat dan boleh dipercayai bagi seluruh Malaysia. Data yang dikumpulkan oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kemajuan Syariah Malaysia dan Kementerian Kesihatan berbeza mengikut skop dan perspektif masing-masing;
 - (iii) '*political will*'
 - (iv) pendirian kerajaan negeri berhubung perkahwinan kanak-kanak Islam di antara negeri-negeri berbeza;
 - (v) nilai sosial dan norma masyarakat yang menghalang pendidikan kesihatan seksual dan sistem reproduktif manusia secara terbuka dan meluas; dan
 - (vi) perkahwinan dijadikan sebagai jalan penyelesaian kepada masalah keluarga.

⁴² Artikel bertajuk 'MP: Banning child marriages will see lustful girls engaging in casual sex' yang disiarkan dalam laman sesawangn Malaysiakini bertarikh 6 April 2016.

⁴³ Kertas kerja bertajuk 'Child Marriage in Malaysia' oleh Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal dan Mohd Al Adib Samuri untuk UNICEF.

50. Melalui seminar bertajuk “Perkahwinan Kanak-Kanak – Mampukah Kita Menanganinya” yang diadakan di ILKAP pada 8 Julai 2019 yang lalu, didapati bahawa walaupun perundangan sedia ada mencukupi bagi menangani hal ini, perkahwinan kanak-kanak tetap berlaku kerana—

- (i) kurangnya pengetahuan di kalangan kanak-kanak berhubung dengan masalah dan penjagaan kesihatan seksual dan sistem reproduktif (SRH). Kanak-kanak cenderung untuk mencuba kerana sifat ingin tahu dan salah satu perkara yang dicuba oleh kanak-kanak ialah melakukan hubungan seks. Berdasarkan kertas yang dibentangkan oleh Pakar Perunding Kanak-kanak dan Remaja HKL, Datin Dr. Sheila Marimuthu, sebanyak 50.4% kanak-kanak yang mengadakan hubungan seks berumur 14 tahun. Berdasarkan data LPPKN setakat tahun 2014, di kalangan kanak-kanak dan remaja dari 13 sehingga 24 tahun, 18.4% sehingga 73% yang mengetahui mengenai SRH dan sebanyak 35.3% telah pernah terdedah kepada pornografi;⁴⁴
- (ii) sikap ibu bapa yang menjadikan perkahwinan sebagai jalan penyelesaian untuk menjaga maruah dan nama baik keluarga, khususnya apabila anak perempuan dirogol ataupun telah terlanjur sehingga menyebabkan hamil di luar nikah.⁴⁵ Selain daripada itu, ibu bapa juga enggan berbincang dengan anak-anak mengenai SRH dan menganggapnya sebagai suatu yang

⁴⁴ Kertas bertajuk “Perkahwinan Remaja dari Skop Kesihatan” yang dibentangkan pada seminar bertajuk “Perkahwinan Kanak-Kanak – Mampukah Kita Menanganinya”.

⁴⁵ Kertas kerja bertajuk ‘Child Marriage in Malaysia’ oleh Prof Dato’ Noor Aziah Mohd Awal dan Mohd Al Adib Samuri untuk UNICEF.

terlarang atau ‘*taboo*’. ⁴⁶ Ini mendorong kanak-kanak untuk bergantung kepada maklumat yang diperoleh daripada internet dan rakan sebaya;

- (iii) di Malaysia, walaupun kemiskinan sering dikaitkan dengan penduduk luar bandar, kini negara turut berhadapan dengan masalah ‘*urban poor*’ ‘penduduk miskin dibandar’. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh UNICEF, di Kuala Lumpur sahaja, dalam setiap 3 keluarga, 1 keluarga mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,000.00 sebulan.⁴⁷ Kesan daripada masalah ini, ada ibubapa yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan dan ada kanak-kanak yang berhenti sekolah untuk membantu meringankan beban ibubapa menyara keluarga;

- (iv) keciran dalam pendidikan turut menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak. Ada kanak-kanak yang berhenti sekolah bukan sebab kemiskinan tetapi kerana sudah hilang minat untuk belajar disebabkan bekerja ataupun telah berkahwin. Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, YB Teo Ning Ching, kerajaan sedang membuat kajian untuk mewajibkan semua kanak-kanak mengikuti pendidikan sehingga tamat tingkatan lima. Setakat ini, Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] hanya mewajibkan pendidikan setakat sekolah rendah sahaja; ⁴⁸

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Artikel bertajuk ‘Children Without: A study of urban child poverty and deprivations in low cost flats in Kuala Lumpur’ oleh UNICEF dan disiarkan di laman sesawang UNICEF.

⁴⁸ Artikel bertajuk ‘Wajib sekolah hingga tamat SPM’ yang disiarkan di laman sesawang Utusan Online bertarikh 28 Januari 2019.

(v) '*political will*': Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berpendirian bahawa kanak-kanak sepatutnya diberikan peluang untuk membina dan membangunkan potensi diri sepenuhnya dan sebarang aktiviti yang menghalang daripada pembangunan ini berlaku, khususnya dari aspek pendidikan dan kesihatan sepatutnya dikurangkan agar kanak-kanak dapat membina masa hadapan mereka. Perkahwinan kanak-kanak boleh memberikan tekanan fizikal dan emosi kepada kanak-kanak, khususnya kepada kanak-kanak perempuan. Mbenarkan kanak-kanak berkahwin bermakna meletakkan beban yang besar ke atas kanak-kanak sebagai suami atau isteri dan sebagai ibubapa. Mendedahkan kanak-kanak kepada tanggungjawab seperti ini hanya membuka lebih banyak ruang kepada perceraian dan masalah sosial kepada kanak-kanak ini pada masa hadapan;⁴⁹

(vi) pendirian berbeza di antara pemimpin agama di negeri-negeri berhubung langkah-langkah yang perlu diambil untuk menanggani dan membendung perkara ini, termasuk menyeragamkan had umur minima kanak-kanak berkahwin.

51. Selain daripada faktor yang dinyatakan di atas, ada juga yang berpendapat, berkahwin pada usia muda itu menyeronokkan, dapat bebas daripada kawalan dan kongkongan ibu bapa.⁵⁰ Suatu kajian telah dijalankan oleh Hospital Besar Kuala Lumpur dengan Pusat Perubatan UKM ke atas 102 orang responden

⁴⁹ Artikel bertajuk 'Child Bride is a serious matter' yang disiarkan di laman sesawang The Straits Times pada 1 Julai 2018.

⁵⁰ Artikel bertajuk 'Teringin berkahwin pada usia muda, lebih baik dengar dulu kisah hidup Ayu Aziz' disiarkan dalam laman sesawang Gempak bertarikh 6 November 2018.

(remaja) yang mengandung di luar nikah (54 orang) dan melalui ikatan perkahwinan yang sah (48 orang) mendapati bahawa antara faktor yang menyumbang kepada wanita yang mengandung di luar nikah ialah taraf pendidikan yang rendah, status ekonomi keluarga yang rendah, tiada pekerjaan, dibesarkan oleh ibu atau bapa tunggal (kurang perhatian daripada ibu atau bapa), pengaruh rakan sebaya dan tidak aktif di sekolah.⁵¹

52. Selanjutnya berdasarkan kepada statistik yang dikumpulkan oleh Unit Perubatan Remaja HKL, 3% kanak-kanak semuda 8 tahun telah terdedah kepada seks, 17% di kalangan umur 12 sehingga 15 tahun dan 16% di kalangan umur 16 sehingga 19 tahun. Daripada jumlah tersebut, 40% daripada keluarga yang berpecah belah dan 57% daripada keluarga yang sempurna (*intact*) dan 53% masih bersekolah.⁵²

Implikasi perkahwinan ke atas kanak-kanak

53. Perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai implikasi. Kanak-kanak tersebut terdedah kepada potensi dieksplotasi secara seksual dan emosi. Kanak-kanak yang berkahwin pada usia yang muda biasanya masih belum matang dan belum mampu membuat keputusan dengan bijak. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh *National Institute of Mental Health*, bahagian otak manusia yang terakhir sekali terbina dengan sepenuhnya ialah bahagian yang bertugas mengawal fungsi eksekutif termasuklah kebolehan

⁵¹ Kertas kerja bertajuk ‘Perkahwinan Remaja dari Skop Kesihatan’ yang dibentangkan oleh Datin Dr. Sheila Marimuthu pada Seminar bertajuk ‘Perkahwinan Kanak-Kanak – Mampukah Kita Menanganinya’ pada 8 Julai 2019 di ILKAP.

⁵² Ibid.

membuat pertimbangan kesan jangka panjang dan mengawal ‘*impulse*’.⁵³ Perkahwinan kanak-kanak mendedahkan isteri yang masih kanak-kanak kepada pengaruh suami yang lebih tua dan mudah dimanipulasi.

54. Kanak-kanak perempuan yang berkahwin lazimnya masih belum memahami maksud tugas dan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu. Menurut Perunding Obstetrik dan Ginekologi Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj, kesan perkahwinan di bawah umur lebih dirasai oleh remaja perempuan berbanding lelaki kerana mereka yang melalui proses kehamilan dan melahirkan anak. Selain itu, remaja perempuan juga merupakan golongan yang mempunyai risiko dua kali ganda mengalami komplikasi sehingga boleh meninggal dunia ketika melahirkan anak berbanding yang berusia 20 tahun ke atas.⁵⁴ Kesemua faktor ini boleh menyumbang kepada keadaan kemurungan (*depression*) dialami oleh remaja perempuan yang berkahwin.
55. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 hingga 22 Oktober 2014 telah bersetuju, antara lain—
 - (i) perkahwinan kanak-kanak di Malaysia berlaku bukan kerana maslahah kanak-kanak tetapi disebabkan keterlanjuran dan keinginan menutup aib atau maruah keluarga yang tercemar;

⁵³ Artikel bertajuk ‘The Teen Brain’ diterbitkan di laman sesawang National Institut of Mental Health

⁵⁴ Artikel bertajuk ‘Kesan Perkahwinan Bawah Umur Terhadap Remaja’ bertarikh 16 November 2015 oleh Nursyuhada binti Md. Anuar, Fakulti Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia.

- (ii) keterangan pakar-pakar kesihatan dan psikologi menegaskan wujudnya masalah kesihatan fizikal dan mental yang dialami pada pasangan perempuan akibat perkahwinan kanak-kanak;
- (iii) Ulama bersetuju bahawa secara syar'ie perkahwinan kanak-kanak bukan merupakan perkara yang wajib atau sunat. Tiada hadis yang mengatakan bahawa perkahwinan kanak-kanak itu dianjurkan.

Oleh itu, Muzakarah telah bersetuju memutuskan—

- (i) perkahwinan kanak-kanak hanya boleh dibenarkan dengan syarat ia dilakukan semata-mata untuk memenuhi kemaslahatan kanak-kanak tersebut secara syar'ie.
- (ii) pihak berkuasa berkaitan memperketatkan syarat-syarat perkahwinan kanak-kanak dan memastikan pelaksanaannya dijalankan mengikut prosedur.⁵⁵

Kesihatan ibu dan bayi

56. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dr. Mohd Azri Mohd Suan dari Clinical Research Center, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Dr. Adibah Hanim Ismail Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor dan Dr. Haliza Ghazali Department of Obstetrics & Gynaecology, Sultan Abdul Halim Hospital, Sungai Petani, Kedah mendapati bahawa kanak-kanak yang hamil pada usia muda (samada hamil di luar nikah ataupun melalui ikatan perkahwinan yang sah) mengalami masalah semasa

⁵⁵ Artikel bertajuk ‘BAYAN LINNAS SIRI KE-141 : PERKAHWINAN KANAK-KANAK MENGIKUT PERSPEKTIF SYARIAH’ disiarkan di laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada 16 Julai 2018.

mengandung dan selepas melahirkan anak,⁵⁶ termasuklah anemia dan kelahiran tidak cukup bulan, manakala bayi yang dilahirkan pula kecil dan beratnya lebih rendah berbanding bayi yang dilahirkan cukup bulan (*low birth weight*), dan setakat tahun 2012, sebanyak 12,817 kes dilaporkan bayi yang dilahirkan tidak cukup bulan dan mengalami anemia.⁵⁷

57. Kanak-kanak yang mengandung pada usia muda terdedah kepada masalah ‘*obstructed birth*’ kerana badan kanak-kanak, khususnya tulang pelvis sedang membesar dan tidak bersedia melalui proses kehamilan dan kelahiran. Selain daripada itu, terdapat risiko berlaku ‘*eclampsia*’ akibat tekanan darah tinggi yang berlaku semasa kehamilan, jangkitan saluran kencing (*puerperal endometritis*) dan jangkitan sistemik.⁵⁸ Manakala bayi yang dikandung mungkin mati dalam kandungan (*foetal loss*) ataupun dilahirkan mati (*intra uterine death/still born*), dilahirkan tidak cukup bulan atau cacat.⁵⁹

Penyakit kelamin

58. Kanak-kanak yang berkahwin juga boleh terdedah kepada penyakit kelamin sekiranya pasangan kanak-kanak tersebut mempunyai ramai pasangan (*multiple partners*) dan mengamalkan gaya hidup bebas. Pengetahuan kanak-kanak yang terbatas berhubung dengan SRH menyebabkan kanak-kanak itu sendiri tidak mampu untuk mengambil langkah berjaya-jaga untuk mencegah

⁵⁶ Artikel bertajuk ‘A review of teenage pregnancy research in Malaysia’ yang ditulis oleh Dr. Mohd Azri Mohd Suan dari Clinical Research Center, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Dr. Adibah Hanim Ismail Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor dan Dr. Haliza Ghazali Department of Obstetrics & Gynaecology, Sultan Abdul Halim Hospital, Sungai Petani, Kedah.

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ Artikel bertajuk ‘Adolescent pregnancy’ yang disiarkan di laman sesawang WHO bertarikh 23 Februari 2018.

⁵⁹ Ibid.

kehamilan dan penyakit kelamin. Sekalipun sejak tahun 2009 kerajaan telah melaksanakan *the Reproductive Health Education Policy and National Social Policy on Reproductive Health and Social Education* dan pendidikan seks telah diberikan di sekolah, keberkesanan program ini tidak diketahui kerana tiada sebarang kajian dibuat mengenainya.⁶⁰

Ekonomi

59. Kanak-kanak yang keciciran dalam pendidikan disebabkan berkahwin ataupun hamil, mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan kurang skil untuk menyara diri dan kurang peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan bersesuaian. Dalam keadaan yang tertentu, kanak-kanak itu akan mengulangi kitaran kemiskinan yang dilalui oleh ibubapanya.⁶¹
60. Kerajaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah memperkenalkan program i-suri namun tidak diketahui keberkesanan program ini setakat ini dan sama ada kanak-kanak yang berkahwin itu terdedah kepada maklumat ini dan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Salah satu syarat yang dikenakan ialah isteri perlu berdaftar dalam program e-Kasih (Database Kemiskinan Kebangsaan),⁶² had umur maksima yang ditetapkan ialah 60 tahun namun tidak diketahui samada program ini mempunyai had umur minima.

⁶⁰ Artikel bertajuk ‘A review of teenage pregnancy research in Malaysia’ yang ditulis oleh Dr. Mohd Azri Mohd Suan dari Clinical Research Center, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Dr. Adibah Hanim Ismail Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor dan Dr. Haliza Ghazali Department of Obstetrics & Gynaecology, Sultan Abdul Halim Hospital, Sungai Petani, Kedah.

⁶¹ Artikel bertajuk ‘Adolescent pregnancy’ yang disiarkan di laman sesawang WHO bertarikh 23 Februari 2018.

⁶² Laman sesawang KWSP –program iSuri.

Cabaran

61. Perbezaan had umur minima bagi kanak-kanak untuk berkahwin berlaku bukan sahaja pada perundangan persekutuan tetapi juga di antara enakmen agama Islam di negeri-negeri. Mufti dan kerajaan di negeri-negeri juga berbeza pendapat mengenai perkara ini. Misalnya berhubung dengan cadangan kerajaan persekutuan untuk menaikkan had umur minima daripada 16 tahun kepada 18 agar seragam di seluruh negara dan seragam di antara perundangan persekutuan dan enakmen negeri, hanya 5 negeri yang bersetuju dan 7 negeri menentang. Manakala yang telah membuat pindaan hanya Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dalam tindakan membuat pindaan.
62. Tiada perundangan khusus bagi mengawal selia orang asli di Semenanjung dan penduduk asal di pedalaman Sabah dan Sarawak yang berkahwin di bawah umur dan perkahwinan itu dilakukan secara adat/kahwin kampung yang tidak berdaftar.
63. Adalah sangat penting untuk kita memastikan bahawa setiap kanak-kanak hendaklah dipastikan tidak keciciran dalam pendidikan. Cadangan Kementerian Pendidikan untuk menyemak Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] bagi mewajibkan pendidikan sehingga tamat tingkatan lima adalah suatu yang baik tetapi perlu ada cara yang berkesan bagi memastikan perundangan ini dipatuhi. Hasrat dasar ini dengan sendirinya akan menghadapi cabaran yang tinggi daripada amalan perkahwinan kanak-kanak yang akan berhenti bersekolah selepas berkahwin.

64. Kebiasaan kanak-kanak yang telah berkahwin enggan tampil ke hadapan mendedahkan status mereka kerana khuatir berhadapan dengan tindakan undang-undang jenayah. Selain itu, keluarga dan kanak-kanak turut berhadapan dengan cemuhan masyarakat. Undang-undang sedia ada wajar mengadakan peruntukan agar kanak-kanak ini diberikan ruang dan bantuan dan bukannya dihukum dan diprejudiskan (*being judged and prejudiced*) oleh masyarakat.
65. Suatu mekanisma yang mesra kanak-kanak juga perlu diwujudkan agar kanak-kanak yang berkahwin mempunyai ruang untuk mendapatkan khidmat sokongan perubatan dan khidmat nasihat atau kaunseling secara percuma dengan tidak menetapkan syarat yang membebankan kanak-kanak. Perlu diingat bahawa kanak-kanak yang berkahwin ini selalunya disebabkan oleh pelbagai masalah dan sewajarnya tidak dibebankan dengan syarat atau sekatan bagi mendapatkan bantuan dan sokongan emosi.
66. Kanak-kanak yang berkahwin juga perlu digalakkan untuk meneruskan pendidikan sekalipun sedang hamil. Sekiranya kanak-kanak tidak mampu untuk meneruskan pendidikan, kanak-kanak wajar diberikan pilihan untuk mengikuti latihan vokasional. Pihak pentadbiran sekolah dan guru perlu mendidik pelajar agar tidak prejudis terhadap rakan sebaya yang telah berkahwin atau sedang hamil dalam persekolahan. Sokongan moral dan kaunseling kepada kanak-kanak yang terlibat dan rakan sebaya perlu diberikan, begitu juga dengan pendidikan rohani dan moral.

67. Kebanyakan ibubapa pada hari ini bergantung kepada teknologi untuk menjadikan kehidupan berkeluarga lebih teratur dan efisien sehingga tidak menyedari teknologi telah mengubah struktur keluarga dan cara hidup. Boleh dikatakan hampir semua kanak-kanak di sekolah rendah dibekalkan dengan telefon bimbit untuk memudahkan berhubung dengan ibubapa. Namun penggunaannya oleh kanak-kanak tidak terbatas setakat itu sahaja kerana kebiasaananya kanak-kanak mempunyai akses kepada internet. Sering kali juga peralatan elektronik dijadikan sebagai ganti penjaga (*baby sitter*) dan kawalan penggunaannya oleh ibubapa sendiri longgar sehingga mendedahkan kanak-kanak kepada sisi negatif internet. Kita khuatir apabila kanak-kanak berupaya mengakses laman-laman web dewasa, pornografi dan pelbagai bentuk pergaulan bebas boleh menyebabkan mereka terjerumus dalam pelbagai penyakit sosial dan berakhir dengan perkahwinan bagi menutup aib keluarga. Oleh itu, ibubapa perlu lebih prihatin dan proaktif bagi memastikan anak-anak mereka tidak bergantung kepada internet dan gajet untuk membesar dan bergaul.
68. Pembuat polisi perlu peka dengan keperluan memenuhi janji (*pledge*) yang diberikan oleh negara kepada CRC dan CEDAW, keperluan untuk mencapai SDGs yang diunjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan keadaan sosial dan sentimen politik negara. Sistem pendidikan memerlukan perubahan dan setiap perubahan yang dibuat perlu diukur pencapaian dan keberkesanannya. Pengenalan pendidikan SRH di sekolah adalah suatu keputusan yang bijak dan berfaedah dalam jangka masa panjang, tetapi kesan jangka pendek perlu diberi perhatian. Kanak-kanak yang diberikan pendidikan

SRH di bangku sekolah rendah perlu diberikan kefahaman agar mampu mengelakkan diri daripada terlibat dalam kegiatan seksual pada usia kanak-kanak atau remaja dan sebelum berkahwin. Perbuatan mencuba selalunya mendatangkan kesan buruk kepada kanak-kanak.

69. Mengubah persepsi masyarakat adalah sesuatu yang sangat sukar. Itulah juga cabaran yang digalas oleh Kementerian Pembangunan Wanita Dan Kebajikan Masyarakat untuk mendidik masyarakat dan ibubapa khususnya dengan mengadakan pelbagai program pendidikan agar perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak tidak dijadikan sebagai penyelesaian masalah.
70. Program bagi menjana ekonomi keluarga juga perlu diadakan dengan memberikan latihan vokasional kepada suri rumah yang memerlukan agar anak-anak tidak dikahwinkan sebagai penyelesaian masalah dan kepada kanak-kanak yang berkahwin pula, agar mereka boleh berdikari.

Kesimpulan

71. Pemimpin agama, adat dan politik perlu bersama-sama mengakui perkahwinan kanak-kanak ialah sebenarnya satu masalah bersama (*common problem*). Suatu jalan penyelesaian atau cara untuk menangani yang berkesan perlu dicari dengan tidak mengorbankan kepentingan mana-mana pihak (agama, adat dan politik) dan dalam masa yang sama menjadikan kepentingan kanak-kanak sebagai keutamaan.

72. Pendekatan undang-undang semata mata seperti menaikkan had umur minima kanak-kanak berkahwin bukanlah jawapan kepada masalah ini tetapi mendidik masyarakat dan ibubapa itu yang sebenarnya perlu diutamakan sebagai penyelesaian jangka panjang. Bantuan yang bukannya berbentuk bantuan kewangan semata-mata hendaklah diberikan bagi mendidik suri rumah dan kanak-kanak yang telah berkahwin agar mereka mampu menjana pendapatan.